

KOPERASI PESERTA-PESERTA RANCANGAN FELCRA SEBERANG PERAK BERHAD

Lot 4217, Coop Business Centre (CBC),
Lebuh Paduka, Felcra Bandar Seberang Perak,
36800 Kg. Gajah, Perak Darul Ridzuan.
Tel : +605 655 8101 Faks : +605 655 8100
Email : admin@coopseberangperak.com.my
www.coopseberangperak.com.my



KOPERASI PESERTA
FELCRA SEBERANG PERAK BHD

MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KALI KE - 36 LAPORAN TAHUNAN 2022/2023

LAPORAN TAHUNAN 2022/2023

MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KALI KE - 36

KOPERASI PESERTA-PESERTA
RANCANGAN FELCRA SEBERANG PERAK BERHAD



KOPERASI PESERTA
FELCRA SEBERANG PERAK BHD

Selamat Bersidang

Kepada Semua Anggota Koperasi Peserta-Peserta

Rancangan Felcra Seberang Perak Berhad

dalam

Mesyuarat Agung Tahunan Koperasi

Bagi Kali Yang Ke-36 (2023)

Pada 17hb Jun 2023 (Sabtu)

Daripada :

Anggota Lembaga Koperasi

Jawatankuasa Audit Dalaman Koperasi

Pengurusan Koperasi



03	TITIPAN KATA YANG DIPERTUA	37	KERTAS LAPORAN DAN PENYATA KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022
04	TITIPAN KATA Pengerusi		
05-18	LATAR BELAKANG	95 - 112	KERTAS - KERTAS CADANGAN
06	Carta Organisasi		
10	Diari Peristiwa	95	Kertas Cadangan Belanjawan 2024
15	Aktiviti Perniagaan	101	Kertas Cadangan Elaun Anggota Lembaga dan Jawatankuasa Audit Dalam Bagi Tahun 2024
19	AGENDA MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KALI KE 36		

ISI KANDUNGAN

BUKU LAPORAN TAHUNAN SESI 2022/2023

21	KERTAS LAPORAN TAHUNAN ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI SESI 2022/2023	105	Kertas Cadangan Perlantikan Panel Audit Luar Bagi Akaun Tahun 2024
33	KERTAS LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN SESI 2022/2023	107	Kertas Cadangan Skop Dan Had Pelaburan Tahun 2024
		111	Kertas Cadangan Had Maksima Keterhutangan Tahun 2024
		113	Kertas Usul Anggota Lembaga Koperasi Sesi 2022/2023

Titipan Kata

Yang Dipertua Koperasi



Assalamualaikum W.B.T

Syukur Alhamdulillah dikesempatan yang ada ini saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Pengurusan Koperasi Peserta-Peserta Rancangan FELCRA Seberang Perak Bhd di atas ruangan bicara yang diberikan ini bersempena dengan Mesyuarat Agung Tahunan kali ke 36 ini.

Suasana ekonomi masa kini masih lagi belum mencapai kestabilannya, maka saya ingin menyarankan agar Pengurusan Koperasi Peserta-Peserta Rancangan FELCRA Seberang Perak Bhd dapat mempelbagaikan atau beralih arah kepada kepelbagaian aktiviti ekonomi selaras dengan keperluan semasa dan tidak hanya tertumpu kepada aktiviti sedia ada sahaja.

Perkara ini adalah penting bagi memastikan bahawa kita sentiasa didepan dan tidak ketinggalan selaras dengan perubahan masa disamping dapat menjana peluang-peluang pekerjaan baru kepada masyarakat setempat (kumpulan sasar/ahli)

Penglibatan dalam bidang Tanaman Herba /Agrotourism /Pakej Pelancongan /perkhidmatan sistem online/perkhidmatan penghantaran barangan atau yang seumpama dengannya yang boleh menjana sumber pendapatan baru demi untuk pengukuhan sumber ekonomi koperasi disamping menjaga kebajikan ahli perlu difikirkan dan diterokai. Namun begitu, komitmen dan kerjasama semua pihak mesti digemblingkan bagi mencapai matlamat kita

Akhir kata saya amat berterima kasih kepada pimpinan dan pengurusan Koperasi Peserta-Peserta Rancangan Felcra Seberang Perak Bhd atas segala kerjasama yang diberikan dalam usaha membangun dan menjayakan projek FELCRA Berhad Seberang Perak selama ini dan didoakan agar Koperasi Peserta-Peserta Rancangan FELCRA Seberang Perak Bhd ini terus memacu kejayaan dan dipermudahkan Allah dalam segala urusan.

Sekian,

Salam Hormat dan Selamat Bersidang

MOHD RUSLI BIN BAHARI

Yang Dipertua

Koperasi Peserta-Peserta Rancangan Felcra Seberang Perak Berhad

Titipan Kata Pengerusi Koperasi

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum

Dan Salam Sejahtera

Segala puji bagi Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia-Nya jua maka Buku Laporan Tahunan bagi Mesyuarat Agung Tahunan kali ke -36 ini dapat direalisasikan.

Cabaran dunia perniagaan era pasca Covid-19 amatlah mencabar dan memerlukan kekentalan dalam menghadapinya. Sejajar dengan perkembangan teknologi dan inovasi, koperasi tidak terkecuali dan juga perlu mengadaptasi dengan era digitalisasi dan Revolusi Perindustrian 4.0 dalam dunia perniagaan.

Walaupun bagaimanapun, koperasi tetap terus bergerak ke hadapan dan prestasi perniagaan yang menunjukkan konsistensi dengan pencapaian untung bersih yang masih stabil dan kekal pada angka RM 2 juta untuk 3 tahun berturut-turut.



Koperasi juga terus membina nama dan mengukuhkan jenama dengan memperkenalkan produk atas nama koperasi sendiri seperti air mineral A-Safiy dan yang terbaru teh herba warisan dengan kolaborasi bersama pihak FRIM .

Selain itu, nama koperasi juga sering diiktiraf diperingkat kebangsaan dan juga negeri dengan terbaru mendapat kedudukan ke 30 terbaik bagi indeks 100 koperasi terbaik Malaysia selain menjadi koperasi terbaik negeri Perak bagi tahun 2022.

Akhir kata, pada kesempatan ini saya menyeru kepada semua anggota supaya dapat sama-sama berdoa agar koperasi terus diberi kestabilan dan kejayaan yang berterusan dengan harapan supaya dapat terus memberi perkhidmatan terbaik kepada anggota dan masyarakat.

Sekian, terima kasih.. Wassalam.

Shamsuddin bin Yusof, PPT
Pengerusi Koperasi



Latar Belakang & Diari Organisasi

*Carta Organisasi Anggota Lembaga ,Jawatankuasa Audit Dalaman
& Pengurusan Kanan
Diari Peristiwa Sesi 2022/2023
Aktiviti Perniagaan*

*Mesyuarat Agung Tahunan
Kali Ke - 36*



KOPERASI PESERTA
FELCRA SEBERANG PERAK BHD

ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI SESI 2022/2023



YANG DIPERTUA
MOHD RUSLI BIN BAHARI



PENGERUSI
EN SHAMSUDDIN BIN YUSOF PPT



SETIAUSAHA
EN SALLEHUDDIN BIN ABDULLAH



BENDAHARI
EN ABD RAZAK BIN HJ MOKHTAR



KOPERASI PESERTA
FELCRA SEBERANG PERAK BHD

ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI SESI 2022/2023



**EN OTHMAN ALI BIN
MOHD HASHIM**



**EN ZAMAN HURI BIN
HJ MD BASIR^{PJK}**



**EN MOHD AZHAR BIN
SULEIMAN**



**EN ABD SHUKOR BIN
NAPIAH**



**EN ROSTAM BIN
YAHYA**



**TN HJ BAHARIM BIN
SHAMPLO**



**TN HJ ZAMAN HURI
BIN HJ KARIM**



**EN MAT SALLEH BIN
ABD RAHIM^{PPT}**



**EN JEFRI BIN MOHD
NOR**



JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN (JKAD) SESI 2022/2023



EN MOHAMAD KHAIRI BIN NGAH
Ketua



EN MAT NOORDIN BIN ITHNIN
Pen. Ketua



**EN SYAHRUL NIZAM BIN
MOHAMED NADZRI**
JKAD



KOPERASI PESERTA
FELCRA SEBERANG PERAK BHD

PENGURUSAN KANAN SESI 2022/2023



TN HJ MIOR SHAHRIN B. HJ MIOR MOHD YUSOP,AMP,PPT
Pengurus Besar



TN HJ ABU HANIFAH B MD SAID
Pengurus Pentadbiran & Perkhidmatan



EN MOHD FAIZAL B AHMAD NORRAHMA
Pengurus Trading & Pembangunan Niaga



PN NUR IZZATI SYAZWANI BT HJ ZOL KEPLI
Pengurus Kewangan & Hal Ehwal Anggota



EN IBRAHIM BIN RABIA'I
Pengurus Projek Pertanian & Kejenteraan



EN MUHAMMAD MUZZAMMIL B MUSTAFA
Jurutera Tapak

Dairi Peristiwa Sesi 2022/2023



MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KALI KE 35

&

MAJLIS MENANDATANGANI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN USAHASAMA (MOU) BERSAMA SYARIKAT AGROCLOUD SDN BHD

01 JUN 2022

Mesyuarat Agung Tahunan telah diadakan seperti kebiasaan namun masih mengambil berat dengan S.O.P dan kawalan. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh YBhg Tn Hj Khairul Azwan bin Harun, Pengerusi Malaysia Debt Ventures Bhd (MDV) .

Turut berlangsung adalah majlis menandatangani memorandum persefahaman usahasama (MOU) diantara koperasi dengan syarikat Agrocloud Sdn Bhd (rakan niaga MDV) bagi penggunaan teknologi Internet Of Thing (IOT) dan Decision Support Sistem (DSS) dalam sistem pengurusan padi.



LAWATAN Y.BHG. DATO HJ ZAZALI BIN HARUN,
PENGERUSI EKSEKUTIF SURUHANJAYA KOPERASI
MALAYSIA (SKM).

07 OKTOBER 2022 (JUMAAT), COOP BUSINESS CENTRE
(CBC)

YBhg Dato Hj Zazali bin Harun telah hadir untuk lawatan kerja rasmi ke koperasi. Dalam masa yang sama, beliau juga turut merasmikan Program Jualan Murah Keluarga Malaysia (PJKM) peringkat DUN Kg Gajah dan merasmikan program Seeing Believing Commercial Coop KPR Felcra Seb. Perak Bhd.



PENYAMPAIAN BANTUAN SUMBANGAN & DERMA KOPERASI

PENYAMPAIAN BEBERAPA SUMBANGAN & DERMA OLEH PIHAK KOPERASI KEPADA BEBERAPA AGENSI DAN INDIVIDU

Koperasi tidak berkecuali dalam melaksanakan tanggungjawab sosial kepada masyarakat setempat terutama anggota koperasi dengan menyampaikan beberapa sumbangan & derma kepada agensi dan individu terlibat dalam kawasan Seberang Perak.



SUMBANGAN BANTUAN PRIHATIN KOPERASI KEPADA ANGGOTA YANG KURANG BERKEMAMPUAN



03 MAC 2023 – MAJLIS PENYAMPAIAN SUMBANGAN IFTAR KEPADA MASJID DAN SURAU DALAM KARIAH SEBERANG PERAK



10 MAC 2023 - MAJLIS PENYAMPAIAN ZAKAT ASNAF FISABILILLAH KEPADA MURID-MURID SEKOLAH YANG AKAN MENGHADAPI PEPERIKSAAN

**PROGRAM GOTONG-ROYONG MEMASAK DAN
EDARAN BUBUR LAMBUK KOPERASI**

13 APRIL 2023 : TELAH DIADAKAN GOTONG –
ROYONG MEMASAK BUBUR LAMBUK UNTUK
EDARAN KEPADA ORANG AWAM SEMPERNA BULAN
RAMADHAN 1444M

Koperasi mengambil kesempatan dalam mengimarahkan bulan Ramadhan 1444H dengan mengadakan program gotong – royong memasak dan edaran bubur lambuk kepada orang awam ,agensi - agensi., surau dan masjid dalam kariah



EDARAN BUBUR LAMBUK PERCUMA
PADA 13/04/2023 (KHAMIS) 22 RAMADHAN 1444H
BERMULA JAM 5.00 PETANG
SUMBANGAN IKHLAS
KOPERASI PESERTA-PESERTA RANCANGAN FELCRA SEBERANG PERAK BERHAD

BENKEL PEMINDAHAN TEKNOLOGI PROJEK KEUSAHAWANAN KOMUNITI PESERTA BERASASKAN HERBA

&

PERLANCARAN TEH HERBA WARISAN KOPERASI

30 JANUARI – 02 FEBRUARI 2023 : Telah dianjurkan Bengkel Pemindahan Teknologi Projek Keusahawanan Komuniti Peserta Berasaskan Herba kerjasama diantara FRIM dan koperasi.

Turut diadakan majlis penutup bengkel dan perancangan produk teh herba warisan koperasi yang disempurnakan oleh YBhg En Mohamad bin Abdul Rahman , Pengurus Besar Kumpulan Hal Ehwal Peserta Felcra Bhd.



AKTIVITI PERNIAGAAN KOPERASI PESERTA - PESERTA RANCANGAN FELCRA SEBERANG PERAK





Air Mineral Semulajadi
Al-Safiy

DIJAMIN SUCI, BERSIH DAN HALAL
"Nikmati Kesegaran,
Bukti Keunggulan Sumber Air Pergunungan"

TEL/WhatsApp: 019-571 8293

DIEDARKAN OLEH : KOPERASI PESERTA-PESERTA RANCANGAN
FELCRA SEBERANG PERAK BERHAD
DIKILANG OLEH : SIHAT-AFIAT SDN BHD

Produk Muslim Pilihan Kami

MeSTI



Air Mineral Semulajadi
Al-Safiy

Harga Istimewa
Untuk Agen Serendah
500ml : RM0.53
1.5L : RM1.07

"Nikmati Kesegaran,
Bukti Keunggulan Sumber
Air Pergunungan"

**AGEN
DIPERLUKANI**

019-571 8293
05-655 8114

TERTAKLUK PADA TERMA & SYARAT

DIEDARKAN OLEH :

KOPERASI PESERTA – PESERTA RANCANGAN FELCRA
SEBERANG PERAK BERHAD

DIKILANGKAN OLEH :

SIHAT – AFIAT SDN BHD (JELI KELANTAN)

DAPATKAN SEGERA**Produk Keluaran
Bumiputra
Muslim (BMF)**

AGEN DIPERLUKAN

SILA WHATSAPP/HUBUNGI – 0195718293

TEL – 05-6558114

KOPERASI PESERTA
FELCRA SEBERANG PERAK BHD



DIMILIKI :

KOPERASI PESERTA RANCANGAN
FELCRA SEBERANG PERAK BERHAD

NO. 22 JALAN MERU BESTARI D1, PUSAT PERDAGANGAN DWJ, BANDAR
MERU RAYA, 30020, IPOH PERAK
(BERSEBELAHAN TERMINAL AMANJAYA & BERHADAPAN PASARAYA
MYDIN)



WAKTU URUSNIAGA
ISNIN HINGGA KHAMIS

8.30 a.m – 5.30 p.m

JUMAAT

8.30 a.m – 12.30 p.m

2.30 p.m – 5.30 p.m

KEISTIMEWAAN

- BEBAS DARI UNSUR RIBA
- PERLINDUNGAN TAKAFUL SEPENUHNYA
- MARGIN GADAIAN YANG TINGGI SEHINGGA 80% DARI NILAI MARHUN
- TIADA YURAN PROSES
- URUSAN GADAIAN YANG TELUS. PROFESIONAL & MESRA PELANGGAN





KOPERASI PESERTA
FELCRA SEBERANG PERAK BHD

AGENT INSURANS BERHAMPIRAN ANDA



BAHARUI INSURAN KENDERAAN ANDA BERSAMA KAMI

1. Perbaharui insurans takaful & cukai Jalan Kenderaan@ Road Tax (Kereta, Motosikal, lori dan lain-lain kenderaan)
2. Pindahan NCB dari syarikat lama ke insurans baru
3. Insurans Non-Motor :
 - Kebakaran
 - Projek
 - Khairat Kematian
 - Kecurian
 - Aset
 - Dan lain-lain

1. SIMPANAN DAN PELABURAN
2. KAD PERUBATAN&HOSPITAL PANEL
3. PERLINDUNGAN KEMALANGAN
4. BANTUAN PERUBATAN

**PERKHIDMATAN INSURANS
PATUH SYARIAH**

eTiqa
Insurance
Takaful



TAKAFULmalaysia



TEL/FAX : 05-6558101/05-6558100



EMAIL : admin@coopseberangperak.com.my

Agenda Mesyuarat Agung

*Mesyuarat Agung Tahunan
Kali Ke - 36*

*Mesyuarat Agung Tahunan
Kali Ke - 36*

AGENDA MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KALI KE - 36

AGENDA 1

Pengundian untuk memilih dan melantik Anggota Lembaga Koperasi bagi sesi perkhidmatan 2023-2026. Pengundian diadakan serentak dengan proses pendaftaran kehadiran:

- 1.1 2 Orang Anggota Lembaga dari Felcra Bandar Seberang Perak
- 1.2 1 orang Anggota Lembaga dari Felcra Seberang Perak 1,2 & 16
- 1.3 1 orang Anggota Lembaga dari Anak Anggota

AGENDA 2

Pemilihan Pengerusi Mesyuarat, jika Yang Dipertua tidak hadir

AGENDA 3

Ucapan alu-aluan Pengerusi Mesyuarat

AGENDA 4

Mengesahkan Minit Mesyuarat Agung Tahunan kali ke-35, pada 01hb Jun 2022 (Rabu).

AGENDA 5

Menimbang dan meluluskan Kertas Cadangan Pindaan Undang-Undang Kecil koperasi, aturan-aturan koperasi, jika ada

AGENDA 6

Membenteng dan Menerima Laporan-Laporan iaitu :

- 6.1 Laporan Tahunan Anggota Lembaga Koperasi Sesi 2022/2023
- 6.2 Laporan Jawatankuasa Audit Dalaman sesi 2022/2023
- 6.3 Surat Pandangan Pengerusi Eksekutif Suruhanjaya Koperasi Malaysia berhubung Akaun Kewangan berakhir 31 Disember 2020, jika ada
- 6.4 Surat Pandangan Pengerusi Eksekutif Suruhanjaya Koperasi Malaysia berhubung Akaun Kewangan berakhir 31 Disember 2021, jika ada
- 6.5 Surat Pandangan Pengerusi Eksekutif Suruhanjaya Koperasi Malaysia berhubung Akaun Kewangan berakhir 31 Disember 2022, jika ada

AGENDA 7

Menimbang dan meluluskan mengenai akaun teraudit. Cadangan pembahagian keuntungan dan Laporan Audit luar bagi akaun kewangan berakhir pada 31 Disember 2022

AGENDA 8

Pengumuman keputusan pemilihan Anggota Lembaga Koperasi bagi sesi perkhidmatan 2023-2026 oleh Jawatankuasa Pengundian, jika keputusan telah diperoleh

AGENDA 9

Menimbang dan meluluskan Kertas Cadangan Belanjawan atau bajet bagi tahun 2024

AGENDA 10

Meluluskan Kertas Cadangan Peruntukan Elaun Anggota Lembaga dan Jawatankuasa Audit Dalaman atau Saraan Pengarah Subsidiari Koperasi bagi tahun 2024

AGENDA 11

Meluluskan Kertas Cadangan Perlantikan Panel Audit Luar bagi Akaun Kewangan koperasi berakhir 31 Disember 2024

AGENDA 12

Menimbang dan Meluluskan Kertas Cadangan Skop dan Had Pelaburan yang dibiayai oleh wang berlebihan koperasi bagi tahun 2024

AGENDA 13

Menentukan dan Meluluskan Kertas Cadangan Had Maksima Keterhutangan koperasi bagi tahun 2024

AGENDA 14

Melantik 6 orang anggota dan 4 orang Anggota Lembaga koperasi sebagai Jawatankuasa menentusah draf Minit Mesyuarat Agung tahunan kali ke - 36

AGENDA 15

Mendengar dan Memutuskan sebarang aduan anggota-anggota setelah mengemukakan 14 hari notis sebelum Mesyuarat Agung tahunan kali ke - 36, jika ada

AGENDA 16

Meluluskan sebarang perbelanjaan bagi perlantikan kompeten membantu Jawatankuasa Audit Dalaman bagi tahun 2024, jika ada


AGENDA 17

Menimbang dan Meluluskan laporan-laporan menurut kehendak Akta dan Peraturan :

- 17.1 Kertas Usul Anggota Lembaga sesi 2022/2023, jika ada
- 17.2 Kertas Usul Anggota Koperasi bagi tahun 2023 jika ada

AGENDA 18

Penangguhan Mesyuarat Agung Tahunan kali ke-36 oleh Pengerusi Mesyuarat



Kertas Laporan Tahunan Anggota Lembaga Koperasi

*Kertas Laporan Tahunan
Anggota Lembaga Koperasi
Sesi 2022/2023*

*Mesyuarat Agung Tahunan
Kali Ke - 36*

ALK Sesi

2022/2023

LAPORAN TAHUNAN ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI

Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-36

Assalamualaikum dan salam sejahtera. Dengan segala hormatnya, pihak Anggota Lembaga Koperasi bagi sesi 2022/2023 ingin membentangkan Kertas Laporan Tahunan Anggota Lembaga Koperasi untuk tatapan semua anggota koperasi bersempena dengan Mesyuarat Agung Tahunan kali ke - 36 tahun 2023.

PENGENALAN

Koperasi Peserta-Peserta Rancangan Felcra Seberang Perak Berhad ditadbir oleh 12 orang anggota lembaga dibawah naungan Pengurus Besar FELCRA Berhad Wilayah Perak serta Timbalan Pengurus Besar Wilayah selaku yang dipertua . Sebanyak lapan (8) Jawatankuasa Sektor Bidang Keberhasilan Utama Koperasi dibentuk selaras dengan garis panduan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia.



Sektor Perkhidmatan Kewangan

Pengerusi : En Abd Razak bin Hj Mokhtar
N.Pengerusi: En Zaman Huri b. Md Basir, PJK

Ahli Jawatankuasa :
En Abdul Shukor bin Napiah
Tn Hj Zaman Huri bin Hj Karim
En Othman Ali bin Mohd Hashim

Sektor Pemborongan dan Peruncitan

Pengerusi : En Shamsuddin bin Yusof, PPT
N. Pengerusi : En Mat Salleh bin Abdul Rahim, PPT

Ahli Jawatankuasa :
En Zaman Huri bin Md Basir
Tn Hj Baharim bin Shamplo
En Jefri bin Mohd Nor



Sektor IKS, Industri dan Teknologi

Pengerusi : En Mat Salleh bin Abdul Rahim, PPT
N.Pengerusi : En Abd Razak bin Hj Mokhtar

Ahli Jawatankuasa :
En Rostam bin Yahya
En Sallehuddin bin Abdullah
En Mohd Azhar bin Suleiman

Sektor Pertanian dan Industri Asas Tani

Pengerusi : En Abdul Shukor bin Napiah
N. Pengerusi : En Sallehuddin bin Abdullah

Ahli Jawatankuasa :
En Othman Ali bin Mohd Hashim
En Jefri bin Mohd Nor





Sektor Perladangan

Pengerusi : En Shamsuddin bin Yusof, PPT
N. Pengerusi : En. Othman Ali bin Mohd Hashim

Ahli Jawatankuasa :
En Abd Shukor bin Napiah
En Abdul Razak bin Hj Mokhtar

Sektor Pelancongan, Penjagaan Diri dan Kesihatan

Pengerusi : En Abd Razak bin Hj Mokhtar
N. Pengerusi : En Abdul Shukor bin Napiah

Ahli Jawatankuasa :
En Mat Salleh bin Abdul Rahim, PPT
En Othman Ali bin Mohd Hashim
En Mohd Azhar bin Suleiman



Sektor Hartanah dan Industri Pembinaan

Pengerusi : En Shamsuddin bin Yusof, PPT
N. Pengerusi : En Sallehuddin bin Abdullah

Ahli Jawatankuasa :
En Abd Razak bin Hj Mokhtar
Tn Hj Zaman Huri bin Hj Karim
En Abdul Shukor bin Napiah



Sektor Pengangkutan dan Kejenteraan

Pengerusi : En Abd Razak bin Hj Mokhtar
N. Pengerusi : Tn Hj Zaman Huri bin Hj Karim

Ahli Jawatankuasa :
En Mat Salleh bin Abdul Rahim, PPT
En Rostam bin Yahya
Tn Hj Baharim bin Shampo



Sektor –sektor utama ini juga didokong oleh empat(4) Jawatankuasa Kecil Dalam yang mewakili 3 nadi utama pengurusan koperasi iaitu Jawatankuasa Pentadbiran ,Korporat & Modal Insan, Jawatankuasa Disiplin ,Keselamatan & Kaunseling serta Jawatankuasa Kerohanian ,Pembangunan Generasi ke-2 & Masyarakat.

Jawatankuasa Pentadbiran ,Pematuhan ISO, Korporat & Modal Insan

Pengerusi :En Shamsuddin bin Yusof,PPT
N. Pengerusi :En Sallehuddin bin Abdullah

Ahli Jawatankuasa :
En Othman Ali bin Mohd Hashim
En Abd Razak bin Hj Mokhtar
En Mat Salleh bin Abdul Rahim,PPT
En Jefri bin Mohd Nor
Tn Hj Zaman Huri bin Hj Karim
En Rostam bin Yahya

Jawatankuasa Disiplin, Kaunseling & Keselamatan

Pengerusi : En Jefri bin Mohd Nor
N. Pengerusi : En Mat Salleh bin Abdul Rahim,PPT

Ahli Jawatankuasa :
En Shamsuddin bin Yusof,PPT
En Sallehuddin bin Abdullah
En Abdul Razak b. Hj Mokhtar
En Mohd Azhar bin Suleiman

Jawatankuasa Kerohanian, Pembangunan Generasi Ke -2 & Masyarakat

Pengerusi : En Mat Salleh bin Abdul Rahim,PPT
N. Pengerusi : En Abd Razak bin Hj Mokhtar

Ahli Jawatankuasa :
En Shamsuddin bin Yusof,PPT
En Othman Ali bin Mohd Hashim
En Sallehuddin bin Abdullah
En Zaman Huri bin Md Basir,PJK
Tn Hj Baharim bin Shamplo
En Mohd Azhar bin Suleiman

Pengurusan Sumber Manusia & Perjawatan

Skim Perkhidmatan Koperasi (SPK) dibawah Jawatankuasa Pentadbiran, Pengurusan, Korporat dan Modal Insan telah disediakan sebagai inisiatif bagi melahirkan staff berkualiti dan bermotivasi untuk memberi khidmat yang cemerlang kepada koperasi

Dibawah skim ini, staff telah menikmati beberapa faedah secara langsung mahu pun tidak langsung yang telah disediakan bagi memastikan keselesaan, kemudahan dan perlindungan staff untuk mencurahkan kudrat dan khidmat mereka.



Berakhir 31 Disember 2022, jumlah staff koperasi adalah seramai 100 orang yang mewakili 5 bahagian utama pengurusan iaitu Pentadbiran & Pengurusan Perkhidmatan, Kewangan & HEA, Projek Pertanian & Kejenteraan, Teknikal & Hartanah dan Trading & Pembangunan Niaga.

Jumlah staff ini terbahagi kepada 18 orang kumpulan pengurusan dan eksekutif serta 82 orang kumpulan sokongan

Bahagian	Kumpulan Pengurusan & Eksekutif	Kumpulan Sokongan
Pentadbiran & Pengurusan Perkhidmatan	3	12
Kewangan & Hal Ehwal Anggota	4	6
Projek Pertanian & Kejenteraan	4	34
Teknikal & Hartanah	4	4
Trading & Pembangunan Niaga	3	26

HAL EHWAL ANGGOTA (HEA)


Pertambahan bilangan anggota yang berdaftar meningkat saban tahun namun diselang-selikan dengan sebilangan anggota yang memilih untuk keluar keanggotaan atas sebab-sebab tertentu.

Berakhir 31 Disember 2022, keanggotaan koperasi telah mencatatkan jumlah sebanyak 1,824 keanggotaan, meningkat 0.16% berbanding tahun 2021 iaitu sebanyak 1,821 keanggotaan.

MODAL SYER


Berakhir 31 Disember 2022, jumlah modal syer terkumpul adalah sebanyak RM 4,574,209.28, menurun sebanyak 0.82% berbanding modal syer tahun 2021 iaitu RM 4,611,918.07

KAPASITI ANGGOTA




Sumber : Unit HEA,UnitKewangan

MODAL SYER




Sumber : Unit HEA,Unit Kewangan

KAPASITI MODAL SYER (RM')



Sumber : Unit HEA,Unit Kewangan

KEANGGOTAAN



Sumber : Unit HEA,Unit Kewangan

PEMBANGUNAN SOSIAL & AKTIVITI KEMASYARAKATAN

Pembangunan ekonomi dan sosial masyarakat serta anggota adalah aspek penting yang termasuk dalam salah satu prinsip asas penubuhan koperasi. Sebagai tanda penglibatan dalam pembangunan sosial, koperasi telah memperuntukkan kadar antara 8% hingga 10% daripada untung bersih pada tahun semasa bagi melaksanakan pelbagai aktiviti dan inisiatif untuk masyarakat setempat amnya dan anggota khususnya.

Elemen penting yang telah digariskan koperasi bagi tujuan ini adalah seperti sumbangan kebajikan, sumbangan pendidikan, khairat kematian, sumbangan & derma, kursus dan latihan serta aktiviti kemasyarakatan yang lain.



Pembangunan Sosial & Aktiviti Kemasyarakatan

- Sumbangan Kebajikan Anggota & Masyarakat
RM 29,836.00

- Sumbangan Pendidikan
RM 25,053.80

- Khairat Kematian
RM 54,300.00

- Kursus & Latihan
RM 7,949.69

- Zakat Perniagaan
▪ RM 277,935.41
- Zakat Asnaf Miskin/Fisabilillah
RM 55,730.20

- Sumbangan Aktiviti Sosial & Korporat
▪ RM 175,116.51

NILAI ASET KOPERASI

Nilai aset koperasi berakhir 31 Disember 2022 mencatatkan angka RM 47,907,229.59 berbanding tahun 2021 iaitu RM 48,357,359.69 yakni penurunan sebanyak 0.93% atau RM 450,130.10 Nilai aset koperasi adalah meliputi aset tetap, aset geran, aset separa tetap, dan aset semasa.

- Tanah
- Bangunan & Struktur
- Kenderaan & Jentera Pertanian
- Perabot & Kelengkapan

Aset Tetap

10,377,525.37



- Pelaburan Syer Siar Harga
- Pelaburan Syer Tak Siar Harga
- Pelaburan Amanah Saham
- Pelaburan Lain-Lain
- Pelaburan Projek Perumahan Sg Dedap
- Projek Dalam Pelaksanaan
- Deposit Tetap Bercagar

Aset Separu Tetap

9,855,813.79



- Stok Perdagangan
- Terimaan Terakru Projek
- Wang Tahanan Projek
- Wang Amanah Projek
- Penghutang Perdagangan
- Pinjaman (Anggota & Bukan Anggota)
- Aset Kumpulan Wang Rizab Statutori
- Pelbagai Penghutang dan Deposit
- Deposit Tetap
- Wang di Bank
- Wang di Tangan

Aset Semasa

27,291,224.81



- Geran Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM)

Aset Geran

382,665.62



Laporan Prestasi Aktiviti Urusniaga

Prestasi urusniaga sepanjang tahun 2022 telah menunjukkan sedikit penurunan dengan untung bersih sebelum cukai adalah RM 2,220,729.19 berbanding tahun 2021 sebanyak RM 2,229,303.08. Nilai urusniaga keseluruhan yang dicatatkan adalah RM 38,979,736.33.

NILAI URUSNIAGA


AKTIVITI	2022	2021
Kerja – Kerja Kontrak	16,666,043.91	17,192,893.32
Kerja – Kerja Kejenteraan	2,105,389.03	1,549,855.59
Urusniaga Trading	17,732,727.42	14,428,516.78
Pendapatan Lain	2,475,575.97	2,428,431.87
JUMLAH	38,979,736.33	35,599,697.56

PERBELANJAAN

AKTIVITI	2022	2021
Kerja – Kerja Kontrak	13,829,404.58	14,721,768.59
Kerja – Kerja Kejenteraan	1,722,669.91	1,294,291.34
Urusniaga Trading	16,877,636.45	13,616,789.59
Pendapatan Lain	1,105,692.35	922,480.01
JUMLAH	33,535,403.29	30,555,329.53

	2022	2021
Keuntungan Aktiviti	5,444,333.04	5,044,368.03
Perbelanjaan Pengurusan	3,223,603.85	2,815,064.95
KEUNTUNGAN BERSIH SEBELUM CUKAI	2,220,729.19	2,229,303.08

Sumber: Unit Kewangan, Laporan Juruaudit Luar (Atarek Kamil)



Anugerah dan Pengiktirafan



Anugerah Koperasi Terbaik Sektor Pertanian & Industri Asas Tani Tahun 2022.

Majlis Penyampaian Telah Diadakan di Hotel Casuarina @ Meru pada 11 Jun 2022 yang Disempurnakan oleh Y.A.B Menteri Besar Perak, Dato' Seri Saarani bin Mohamad

Anugerah Koperasi Terbaik Negeri Perak Tahun 2022.

Majlis Penyampaian Telah Diadakan di Hotel Casuarina @ Meru pada 11 Jun 2022 yang Disempurnakan oleh Y.A.B Menteri Besar Perak, Dato' Seri Saarani bin Mohamad



Tempat Ke-30 Indeks 100 Koperasi Terbaik Malaysia Tahun 2022.

Majlis Penyampaian Telah Diadakan di Hotel Casuarina @ Meru pada 09 Mei 2023 yang Disempurnakan oleh Y.A.B Menteri Besar Perak, Dato' Seri Saarani bin Mohamad

Sekalung Penghargaan

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi & Kepenggunaan (KPDNKK)

Pengerusi Eksekutif, Pengarah & Pegawai-Pegawai Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM)

Y.A.B Menteri Besar, Barisan Exco & Semua Kakitangan Kerajaan Negeri Perak

Presiden & Lembaga Pengarah Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA)

*Pengerusi, Lembaga Pengarah & Ketua Pegawai Eksekutif (CEO), Pengurusan Kanan serta Semua Staff
FELCRA Berhad*

Pengurus Besar FELCRA Berhad Wilayah Perak & Semua Staff

Timbalan Pengurus Besar FELCRA Berhad Wilayah Perak (Seberang Perak) & Semua Staff

Pengarah Urusan & Semua Staff Anak Syarikat FELCRA Berhad

Jabatan & Agensi Kerajaan yang Terlibat

Pengurus Besar, Pengurusan Eksekutif & Semua Staff Koperasi

Rakan Niaga, Syarikat Perniagaan & Orang Perseorangan

Dan sekalung penghargaan diucapkan kepada semua pihak yang telah memberikan sokongan dan dokongan khususnya anggota untuk koperasi terus menelusuri arus perniagaan yang semakin mencabar bagi merealisasikan matlamat koperasi cemerlang, gemilang dan terbilang.

Sekian ,terima kasih.

SHAMSUDDIN BIN YUSOF,PPT
Pengerusi

SALLEHUDDIN BIN ABDULLAH
Setiausaha

Kertas Laporan Tahunan Jawatankuasa Audit Dalaman

*Kertas Laporan Tahunan
Jawatankuasa Audit Dalaman Koperasi (JKAD)
Sesi 2022/2023*

*Mesyuarat Agung Tahunan
Kali Ke - 36*



**JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN KOPERASI SESI 2017/2018
KOPERASI PESERTA-PESERTA RANCANGAN FELCRA
SEBERANG PERAK BERHAD, (KOOP 207 (PK))**

Lot 04217, Coop Business Centre, Lebuhr Paduka, FELCRA Bandar Seberang Perak, 36800 Kg. Gajah, Perak
Tel : 05-6558101/8102/8103/8104 Fax : 05-6558100
Email : admin@coopseberangperak.com.my Web : www.coopseberangperak.com.my

Tarikh : 05.05.2023

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Kepada,
Anggota-Anggota,
Koperasi Peserta-Peserta Rancangan FELCRA Seberang Perak Berhad,
FELCRA Bandar Seberang Perak,
36800 Kg. Gajah.

Tuan/Puan,

**LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN
KOPERASI PESERTA-PESERTA RANCANGAN FELCRA SEBERANG PERAK
BERHAD, AKAUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022**

Laporan audit ini disediakan untuk mematuhi undang-undang kecil 32(1)(b) dan 45(2)(I) untuk dibentangkan dalam Mesyuarat Agung Tahunan kali ke-36

2. KEANGGOTAAN JAWATAN KUASA AUDIT DALAMAN.

Anggota Jawatankuasa Audit Dalaman Koperasi ini bagi sesi 2022/2023 adalah seperti berikut :-

- | | | | |
|----|-----------------------------|---------|-----------------|
| a. | En Mohamad Khairi bin Ngah | (1862) | - Ketua JKAD |
| b. | En. Mat Noordin bin Ithnin | (0249) | - Penolong JKAD |
| c. | En. Mohd Azhar bin Suleiman | (A0037) | - AJK JKAD |

3. SKOP AUDIT

Skop pengauditan dalaman kami berdasarkan kepada rekod serta dokumen, pemerhatian dan temuduga secara rambang dengan anggota kerja koperasi terhadap hal ehwal kewangan, pentadbiran dan aktiviti koperasi berakhir 31 Disember 2022 mengikut peraturan-peraturan dan piawaian pengauditan dalaman bagi sesi 2022/2023.

4. PENEMUAN AUDIT

4.1 Penyelenggaraan buku-buku dan rekod

Di dapati buku rekod perakaunan, dokumen kewangan dan pentadbiran dikawalselia dan disimpan dengan baik dan sentiasa dikemaskini mengikut akta dan undang-undang kecil koperasi.

4.2 Mesyuarat Lembaga

Di dapati anggota Lembaga mengadakan mesyuarat anggota lembaga setiap bulan dan mematuhi undang-undang kecil koperasi

4.3 Pengurusan Kewangan

Didapati semua pengurusan kewangan mematuhi prosedur yang ditetapkan dan menggunakan akaun syariah. Secara keseluruhannya, pihak JKAD mendapati prestasi kewangan Koperasi Peserta-Peserta Rancangan FELCRA Seberang Perak Berhad **mencatatkan keuntungan bersih tahun 2022 sebanyak RM2,220,729.19** berbanding **Tahun 2021** sebanyak **RM2,229,303.08**. Ini telah menunjukkan **sedikit penurunan** sebanyak **RM 8,573.89 (0.38%)** jika dibandingkan untung bersih Tahun 2021.

4.4 Operasi Pelaksanaan Projek/Kontrak

Didapati semua pelaksanaan projek mengikut spesifikasi dan tempoh yang ditetapkan mengikut kontrak yang diterima. Segala permasalahan berbangkit semasa pelaksanaan dapat diselesaikan dan diambil tindakan segera di peringkat pengurusan.

4.5 Pengurusan hutang

Semua penghutang dan pemiutang dalam kawalan dan bagi yang tertunggak telah dibuat tuntutan secara terus kepada penama atau melalui pihak peguam.

4.6 Pengurusan Kejenteraan

Sistem pengurusan jentera dan kenderaan dikawalselia dengan baik. Bagi kenderaan/jentera yang rosak atau tidak boleh diguna pakai telah diambil tindakan sewajarnya samada diperbaiki atau membeli kenderaan yang baru mengikut keupayaan kewangan koperasi.

4.7 Pembangunan kawasan Coop Business Center(CBC)

Kawasan Coop Business Center(CBC) meliputi Pejabat Besar Koperasi, Pasaraya COOP MART, COOP Pemborongan, COOP Cafe, Bengkel Kejenteraan, Stesen Minyak dan Kedai Bekalan Bandar. Ini adalah untuk mempermudah pengurusan mengawalselia dan diharapkan ianya mendapat sokongan dan kerjasama daripada semua anggota segala aktiviti yang dijalankan oleh koperasi.

5. HARAPAN/KESIMPULAN

Pada keseluruhannya pengurusan dan anggota kerja telah menunjukkan komitmen yang baik untuk meningkatkan prestasi koperasi dan seterusnya menjadikan Koperasi Peserta-Peserta Rancangan FELCRA Seberang Perak Berhad sentiasa berdaya maju dan mampu memberikan pulangan yang sewajarnya kepada anggota-anggota.

6. PENGHARGAAN

Kami bagi pihak JKAD Sesi 2022/2023 ingin merakamkan setinggi penghargaan dan terima kasih kepada Anggota Lembaga Koperasi Peserta-Peserta Rancangan FELCRA Seberang Perak Berhad dan Pengurusan Koperasi, Kakitangan Koperasi yang telah memberikan kerjasama kepada Jawatankuasa Audit Dalaman secara langsung atau tidak langsung dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab pengauditan dalaman yang diamanahkan.

Sekian, terima kasih.



(MOHAMAD KHAIRI BIN NGAH)
Ketua JuruAudit Dalaman
Koperasi sesi 2022/2023



(MAT NOORDIN BIN ITHNIN)
Pen. Ketua JuruAudit Dalaman
Koperasi sesi 2022/2023



(SYAHRUL NIZAM BIN MOHAMED NADZRI)
Ahli Jawatankuasa JuruAudit Dalaman
Koperasi sesi 2022/2023



Kertas Laporan Dan Penyata Kewangan

*Maklumat Korporat
Laporan Berkanun Anggota Lembaga Koperasi
Laporan Juruaudit Bebas
Penyata Kewangan*

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2022

*Mesyuarat Agung Tahunan
Kali Ke - 36*



MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KALI KE - 36

KOPERASI PESERTA-PESERTA RANCANGAN FELCRA SEBERANG PERAK BERHAD

KOPERASI PESERTA-PESERTA RANCANGAN
FELCRA SEBERANG PERAK BERHAD
(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi, 1993)

LAPORAN DAN PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

Diluluskan untuk diterbitkan melalui resolusi Anggota Lembaga Koperasi

15 APR 2023

**KOPERASI PESERTA-PESERTA RANCANGAN
FELCRA SEBERANG PERAK BERHAD
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022**

KANDUNGAN**MUKA SURAT**

Kandungan	39
Maklumat Korporat	40
Laporan Berkanun Lembaga Koperasi	41 - 42
Laporan Juruaudit Bebas	43 - 46
Kunci Kira-kira	47 - 49
Akaun Pembahagian Keuntungan	50 - 51
Akaun Untung Rugi	52 - 54
Penyata Aliran Tunai	55 - 56
Polisi dan Nota-nota kepada Penyata Kewangan	57 - 93



KOPERASI PESERTA-PESERTA RANCANGAN FELCRA SEBERANG PERAK BERHAD BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

MAKLUMAT KORPORAT

Pejabat Berdaftar/Alamat Pentadbiran	: LOT 4217, COOP BUSINESS CENTRE (CBC) LEBUH PADUKA, FELCRA BANDAR SEBERANG PERAK 36800 KAMPUNG GAJAH PERAK DARUL RIDZUAN
Anggota Lembaga Koperasi	
Pengerusi	: SHAMSUDDIN BIN YUSOF, PPT
Setiausaha	: SALLEHUDDIN BIN ABDULLAH
Bendahari	: ABD RAZAK BIN HJ. MOKHTAR
Anggota Lembaga	: OTHMAN ALI BIN MOHD HASHIM
	: HJ. ZAMAN HURI BIN HJ. KARIM
	: ABDUL SHUKOR BIN NAPIAH
	: ZAMAN HURI BIN MD BASIR, PJK
	: MOHD AZHAR BIN SULEIMAN
	: BAHARIM BIN SHAMPLO
	: JEFRI BIN MOHD NOR
	: MAT SALLEH BIN ABDUL RAHIM, PPT
	: ROSTAM BIN YAHYA
Juruaudit	: ATAREK KAMIL IBRAHIM & CO.
Bank Utama	: BANK ISLAM MALAYSIA BERHAD
	: AGRO BANK BERHAD
	: MAYBANK ISLAMIC BERHAD
	: PUBLIC ISLAMIC BANK BERHAD
	: CIMB ISLAMIC BANK BERHAD
	: BANK KERJASAMA RAKYAT (M) BERHAD
	: AFFIN ISLAMIC BANK BERHAD
	: BANK SIMPANAN NASIONAL

**KOPERASI PESERTA-PESERTA RANCANGAN
FELCRA SEBERANG PERAK BERHAD
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022**

**LAPORAN BERKANUN ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI
MENGIKUT AKTA KOPERASI 1993 SEKSYEN 59 (3)**

Kami bagi pihak Anggota Lembaga dengan sukacitanya membentangkan Laporan dan Penyata Kewangan Koperasi yang telah diaudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2022.

Kegiatan utama Koperasi ialah bergiat di dalam projek-projek FELCRA Berhad, projek Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) dan projek Universiti Utara Malaysia (UUM). Di samping itu, Koperasi juga bergiat dalam bidang perdagangan runcit iaitu coop mart, pemborongan gas LPG (Petron GASUL), membekal baja dan racun, menguruskan stesen minyak Shell, menguruskan pemasaran padi, menjual barang-barang perkakasan di coop hardware dan input pertanian, perladangan, projek teknikal, kejenteraan, pelaburan, pembiayaan Bai' Al-nah, perniagaan Ar-Rahnu XChange dan hartanah.


Sesuai dengan kehendak Akta Koperasi 1993 Peraturan-peraturan Koperasi 2010, kami bagi pihak Anggota Lembaga Koperasi melaporkan bahawa:

- a) Koperasi bercadang untuk membayar Kumpulan Wang Rizab Statutori sebanyak 12%, Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi sebanyak 2% dan Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi sebanyak 1% atas keuntungan bersih bagi tahun ini.
- b) Dalam tahun kewangan semasa, Koperasi membayar dividen sebanyak RM462,740.98 untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2021. Koperasi juga bercadang untuk membayar dividen bagi tahun kewangan semasa sebanyak RM365,842.94 (8% atas modal syer anggota) tertakluk kepada persetujuan di dalam Mesyuarat Agung Tahunan dan kelulusan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM).
- c) Koperasi bercadang untuk membayar honorarium sebanyak RM68,400.00 kepada Anggota Lembaga bagi tahun semasa.
- d) Koperasi bercadang untuk membayar Kumpulan Wang Kebajikan Am, Kumpulan Wang Tabung Khairat, Kumpulan Wang Tabung Gratuiti, Kumpulan Wang Penebusan Syer, Kumpulan Wang Tabung Pelaburan, Kumpulan Wang Tabung Pendidikan, Kumpulan Wang Tabung SPEAK/Kredit dan Kumpulan Wang Penebusan Syer Bonus sebanyak RM120,000.00 setiap satu bagi tahun ini.
- e) Tiada hal-hal berbangkit yang menjadikan cara menilai aset dan liabiliti Koperasi yang digunakan sekarang mengelirukan atau tidak sesuai.
- f) Lembaga Pengarah juga berpendapat bahawa jumlah aset semasa yang ditunjukkan di Kunci Kira-kira adalah munasabah.

**KOPERASI PESERTA-PESERTA RANCANGAN
FELCRA SEBERANG PERAK BERHAD
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022**

**LAPORAN BERKANUN ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI
MENGIKUT AKTA KOPERASI 1993 SEKSYEN 59 (3)
(Sambungan)**

Kami Lembaga Pengarah Koperasi mengaku bahawa selain daripada perkara-perkara yang tersebut di atas, tiada lain-lain perkara di dalam pengetahuan kami yang tidak dinyatakan seperti yang dikehendaki oleh Akta Koperasi 1993 Seksyen 59 (3).



.....
(SHAMSUDDIN BIN YUSOF, PPT)
Pengerusi



.....
(SALEHUDDIN BIN ABDULLAH)
Setiausaha



.....
(ABD RAZAK BIN HJ.MOKHTAR)
Bendahari

Tarikh : 15 APR 2023

TMF/K0006(011)/KSP/12-22/04(23)-U



ATAREK KAMIL IBRAHIM & CO.
CHARTERED ACCOUNTANTS (M) (AF 0699)
www.atarek.com.my

LAPORAN JURUAUDIT BEBAS
KOPERASI PESERTA-PESERTA RANCANGAN
FELCRA SEBERANG PERAK BERHAD

Kepada,
Suruhanjaya Koperasi Malaysia,
Anggota-anggota Koperasi Peserta-peserta
Rancangan Felcra Seberang Perak Berhad

Laporan Pengauditan Penyata Kewangan

Kami telah mengaudit penyata kewangan Koperasi Peserta-peserta Rancangan Felcra Seberang Perak Berhad, yang mengandungi Kunci Kira-Kira Koperasi pada 31 Disember 2022, Akaun Pembahagian Keuntungan, Akaun Untung Rugi dan Penyata Aliran Tunai bagi tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut, dan rumusan dasar-dasar perakaunan penting dan lain-lain nota keterangan yang dibentangkan pada muka surat 9 hingga 55 di dalam penyata kewangan.

Pada pendapat kami, penyata kewangan yang disertakan memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Koperasi pada 31 Disember 2022, dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut menurut Garis Panduan 23, Garis Panduan Pelaporan Penyata Kewangan Koperasi dan mengikut piawaian-piawaian perakaunan yang diluluskan di Malaysia serta menurut kehendak Akta Koperasi, 1993 di Malaysia.

Asas bagi Pendapat

Kami telah melaksanakan audit kami menurut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa. Tanggungjawab kami di bawah piawaian ini dihuraikan dengan lanjut dalam seksyen *Tanggungjawab Juruaudit bagi Pengauditan Penyata Kewangan*. Kami percaya bahawa bukti audit yang telah kami perolehi adalah mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas untuk pendapat kami.

Kebebasan dan Lain-Lain Tanggungjawab Etika

Kami adalah bebas daripada Koperasi menurut Undang-Undang Kecil (*on Professional Ethics, Conduct and Practice*) yang dikeluarkan oleh Institut Akauntan Malaysia dan Lembaga Piawaian Etika Antarabangsa untuk *Accountants' International Code of Ethics for Professional Accountants* (termasuk *International Independence Standards*) ("IESBA Code"), dan kami telah melaksanakan lain-lain tanggungjawab etika menurut Undang-Undang Kecil dan IESBA Code.

Maklumat Selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit

Anggota Lembaga Koperasi bertanggungjawab kepada maklumat lain. Maklumat lain adalah merangkumi Laporan Berkanun Anggota Lembaga Koperasi tetapi tidak termasuk penyata kewangan Koperasi dan laporan juruaudit ke atasnya.

Pendapat kami mengenai penyata kewangan Koperasi tidak meliputi Laporan Berkanun Anggota Lembaga Koperasi dan kami tidak menyatakan sebarang pendapat ke atasnya.

Ipoh office :

No. 51, Wisma Jauhari,
Lengkok Kledang Raya,
Taman Kledang Jaya,
30100 Ipoh, Perak,
Malaysia.

Tel : 605 - 526 0985

Offices :

Kuala Lumpur (HQ)
Kota Bharu
Melaka
Kuala Terengganu

TMF/K0006(011)/KSP/12-22/04(23)-U



**LAPORAN JURUAUDIT BEBAS
KOPERASI PESERTA-PESERTA RANCANGAN
FELCRA SEBERANG PERAK BERHAD
(Sambungan)**

Maklumat Selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit (Sambungan)

Berhubung dengan pengauditan kami ke atas penyata kewangan Koperasi, tanggungjawab kami adalah untuk membaca Laporan Berkanun Anggota Lembaga Koperasi dan, melaluinya, mempertimbangkan samaada Laporan Berkanun Anggota Lembaga Koperasi adalah tidak konsisten secara ketara dengan penyata kewangan Koperasi atau pengetahuan yang kami perolehi dalam pengauditan atau sebaliknya dilihat sebagai salah nyata ketara.

Sekiranya, berasaskan kepada kerja yang kami jalankan, kami membuat kesimpulan terdapat salah nyata secara ketara terhadap Laporan Berkanun Anggota Lembaga Koperasi, kami dikehendaki melaporkan fakta tersebut. Kami tidak mempunyai apa-apa untuk dilaporkan dalam hal ini.

Tanggungjawab Anggota Lembaga Koperasi terhadap Penyata Kewangan

Anggota Lembaga Koperasi bertanggungjawab dalam penyediaan penyata kewangan Koperasi yang memberikan gambaran yang benar dan saksama menurut Garis Panduan 23, Garis Panduan Pelaporan Penyata Kewangan Koperasi dan mengikut piawaian-piawaian perakaunan yang diluluskan di Malaysia serta menurut kehendak Akta Koperasi, 1993 di Malaysia. Anggota Lembaga Koperasi juga bertanggungjawab untuk kawalan dalaman yang perlu untuk membolehkan penyediaan penyata kewangan Koperasi yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan.

Dalam penyediaan penyata kewangan Koperasi, Anggota Lembaga Koperasi bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Koperasi untuk terus sebagai satu usaha berterusan, mendedahkan, di mana berkenaan, hal-hal berkaitan usaha berterusan dan menggunakan asas perakaunan usaha berterusan melainkan Anggota Lembaga Koperasi samaada berniat untuk membubarkan Koperasi atau menamatkan operasi, atau tidak mempunyai pilihan lain yang realistik tetapi untuk berbuat demikian.

Tanggungjawab Juruaudit bagi Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif kami adalah untuk memperolehi jaminan yang munasabah samaada penyata kewangan Koperasi secara keseluruhan adalah bebas dari salah nyata yang ketara, samaada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, dan mengeluarkan laporan juruaudit yang mengandungi pendapat kami. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukanlah satu jaminan pengauditan yang dijalankan menurut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa akan sentiasa mengesan sesuatu salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh timbul daripada penipuan atau kesilapan dan dianggap ketara sekiranya, secara individu atau secara agregat, boleh dijangka secara munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang diambil oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

TMF/K0006(011)/KSP/12-22/04(23)-U



**LAPORAN JURUAUDIT BEBAS
KOPERASI PESERTA-PESERTA RANCANGAN
FELCRA SEBERANG PERAK BERHAD
(Sambungan)**

Tanggungjawab Juruaudit bagi Pengauditan Penyata Kewangan (Sambungan)

Sebagai sebahagian daripada pengauditan menurut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa, kami menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional di sepanjang pengauditan. Kami juga:

- Mengenalpasti dan menilai risiko salah nyata yang ketara ke atas penyata kewangan, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, merancang dan melaksanakan prosedur audit responsif kepada risiko berkenaan, dan mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas yang munasabah untuk pendapat kami. Risiko tidak mengesan salah nyata yang ketara yang terhasil daripada penipuan adalah lebih tinggi daripada yang terhasil daripada kesilapan, kerana penipuan mungkin melibatkan pakatan sulit, pemalsuan, peninggalan sengaja, representasi yang salah, atau mengawasi kawalan dalaman.
- Memperoleh pemahaman mengenai kawalan dalaman yang berkaitan dengan audit untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian dengan keadaan, tetapi bukan bertujuan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Koperasi.
- Menilai kesesuaian dasar-dasar perakaunan yang digunakan dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan yang dibuat oleh Anggota Lembaga Koperasi.
- Membuat kesimpulan mengenai kesesuaian penggunaan asas usaha berterusan perakaunan oleh Anggota Lembaga Koperasi dan, berdasarkan bukti audit yang diperolehi, sama ada ketidaktentuan ketara wujud yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang boleh menimbulkan keraguan yang ketara ke atas keupayaan Koperasi untuk terus sebagai satu usaha berterusan. Jika kami membuat kesimpulan bahawa ketidaktentuan ketara wujud, kami dikehendaki untuk menarik perhatian dalam laporan juruaudit kami ke atas pendedahan berkaitan dalam penyata kewangan atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, untuk mengubah pendapat kami. Kesimpulan kami adalah berdasarkan pada bukti audit yang diperolehi sehingga tarikh laporan juruaudit kami. Walau bagaimanapun, peristiwa atau keadaan masa depan boleh menyebabkan Koperasi berhenti untuk terus sebagai satu usaha berterusan.
- Menilai keseluruhan persembahan, struktur dan kandungan penyata kewangan Koperasi, termasuk pendedahan-pendedahan, dan sama ada penyata kewangan mewakili transaksi asas dan peristiwa dalam keadaan yang mencapai persembahan yang saksama.

Kami berkomunikasi dengan Anggota Lembaga Koperasi mengenai, antara lain, skop dan jangkamasa pengauditan yang dirancang dan penemuan penting audit, termasuk sebarang kekurangan yang ketara dalam kawalan dalaman yang kami kenal pasti semasa pengauditan.

TMF/K0006(011)/KSP/12-22/04(23)-U

LAPORAN JURUAUDIT BEBAS
KOPERASI PESERTA-PESERTA RANCANGAN
FELCRA SEBERANG PERAK BERHAD
(Sambungan)

Laporan mengenai Keperluan Perundangan dan Badan Pengawasan Lain

Menurut keperluan-keperluan Akta Koperasi 1993, di Malaysia, kami juga melaporkan yang pada pendapat kami:

- (a) rekod-rekod perakaunan dan lain-lain rekod telah disimpan dengan wajar menurut Seksyen 58 Akta Koperasi, 1993;
- (b) penerimaan, perbelanjaan dan pelaburan wang dan perolehan dan pelupusan aset-aset oleh Koperasi sepanjang tahun berakhir 31 Disember 2022, adalah menurut Akta, Peraturan-peraturan Pertubuhan Koperasi 2010 di Malaysia, dan Undang-undang Kecil Koperasi; dan
- (c) aset-aset dan liabiliti-liabiliti, di dalam kesemua segi yang material adalah dinyatakan secara saksama menurut polisi-polisi perakaunan.

Lain-lain Perkara

Laporan ini disediakan hanya kepada anggota-anggota Koperasi, sebagai sebuah badan, menurut Seksyen 63 Akta Koperasi, 1993 di Malaysia dan tanpa tujuan lain. Kami tidak mempunyai tanggungjawab kepada pihak-pihak lain terhadap kandungan laporan ini.

Atarek Kamil Ibrahim & Co

ATAREK KAMIL IBRAHIM & CO
Akauntan-Akauntan Bertauliah (Malaysia)
AF: 0699

Tarikh: 15 APR 2023
Ipoh

Tuan Muhamad Firdaus Bin Tuan Omar

TUAN MUHAMAD FIRDAUS BIN TUAN OMAR
No. Juruaudit : SKM(B)0485



**KOPERASI PESERTA-PESERTA RANCANGAN
FELCRA SEBERANG PERAK BERHAD
KUNCI KIRA-KIRA PADA 31 DISEMBER 2022**

	NOTA	2022 RM	2021 RM
HARTA TANAH, LOJI DAN PERALATAN	3		
Tanah		1,079,376.40	1,110,374.44
Bangunan		5,710,572.63	5,698,465.23
Kenderaan		173,203.64	16.00
Perabot dan kelengkapan		450,834.93	544,966.92
Jentera/peralatan traktor/pertanian		2,682,824.16	1,225,059.24
Ubahsuai bangunan		280,713.61	286,871.27
		<u>10,377,525.37</u>	<u>8,865,753.10</u>
Aset geran	4	382,665.62	161,730.32
ASET BUKAN SEMASA			
Pelaburan dalam syer siar harga	5	54,827.90	85,765.40
Pelaburan dalam syer tak siar harga	6	918,150.97	913,845.69
Pelaburan amanah saham	7	89,240.03	89,240.03
Pelaburan-pelaburan lain	8	1,920,891.16	2,333,870.00
Pelaburan projek perumahan Sg. Dedap	9	967,045.47	946,199.47
Projek dalam pelaksanaan	10	326,053.47	496,827.39
Pinjaman (anggota dan bukan anggota)	11	133,774.71	57,279.76
Deposit tetap bercagar	12	5,317,797.97	5,239,870.13
Akaun deposit koperasi	13	128,032.11	163,932.48
		<u>9,855,813.79</u>	<u>10,326,830.35</u>
ASET SEMASA			
Inventori	14	732,537.23	681,414.10
Terimaan terakru projek	15	3,743,026.46	5,522,187.21
Wang tahanan projek	16	4,131,891.51	3,801,794.71
Wang amanah projek	17	174,314.00	128,529.00
Penghutang perdagangan	18	7,796,437.98	8,041,876.87
Pinjaman (anggota dan bukan anggota)	11	31,576.00	12,456.00
Aset Kumpulan Wang Rizab Statutori	19	171,216.57	175,774.72
Pelbagai penghutang dan deposit	20	2,727,957.90	3,248,578.92
Deposit tetap	21	42,440.50	41,731.17
Wang di bank	21	7,521,739.73	7,161,095.10
Wang di tangan	21	218,086.93	187,608.12
		<u>27,291,224.81</u>	<u>29,003,045.92</u>

**KOPERASI PESERTA-PESERTA RANCANGAN
FELCRA SEBERANG PERAK BERHAD
KUNCI KIRA-KIRA PADA 31 DISEMBER 2022
(Sambungan)**

	NOTA	2022 RM	2021 RM
LIABILITI SEMASA			
Pemiutang perdagangan	22	4,212,077.06	5,241,324.91
Pinjaman jangka pendek			
- Pinjaman dari Suruhanjaya Koperasi Malaysia	23.1	88,536.45	87,038.48
- Pinjaman dari lain-lain institusi kewangan	23.2	144,472.08	110,123.18
- Pinjaman sewabeli	23.3	32,673.72	120,943.63
Fi juruaudit luar	24	15,100.00	15,100.00
Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi	25	44,414.58	44,586.06
Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi	26	22,207.29	22,293.03
Dividen	27	365,842.94	371,726.57
Honorarium	28	68,400.00	70,800.00
Wang tahanan sub kontraktor	29	801,349.57	1,280,329.87
Peruntukan cukai	30	64,066.00	23,021.41
Pelbagai pemiutang dan akruan	31	5,304,701.52	5,177,376.81
Overdraf bank	32	2,205,861.22	2,174,788.29
		<u>13,369,702.43</u>	<u>14,739,452.24</u>
Aset semasa bersih		<u>13,921,522.38</u>	<u>14,263,593.68</u>
		<u>34,537,527.16</u>	<u>33,617,907.45</u>
Dibiayai oleh:			
Modal syer anggota	33	4,574,209.28	4,611,918.07
Akaun modal syer ditebus	34	-	-
Akaun Rizab Modal	35	1,269,189.79	1,269,189.79
Akaun Rizab Penilaian Semula Aset		762,579.15	762,579.15
Kumpulan Wang Penebusan Syer	36	1,326,446.64	1,206,446.64
Kumpulan Wang Penebusan Syer Bonus	37	1,847,000.00	1,727,000.00
Kumpulan Wang Kebajikan Am	38	240,194.87	285,726.37
Kumpulan Wang Tabung Pelaburan	39	3,214,087.74	3,094,087.74
Kumpulan Wang Tabung Pendidikan	40	1,403,061.42	1,308,115.22
Kumpulan Wang Tabung Khairat	41	1,066,276.00	1,000,576.00
Kumpulan Wang Tabung SPEAK/Kredit	42	1,470,000.00	1,350,000.00
Akaun untung rugi terkumpul		6,553,519.67	6,539,866.80
KUMPULAN WANG ANGGOTA		<u>23,726,564.56</u>	<u>23,155,505.78</u>
Kumpulan Wang Rizab Statutori	43	5,668,677.31	5,402,189.81
